

## SURAH HARI KIAMAT



Surah: 75 Juzuk: 29 Bil. Ayat: 40

*Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah,  
lagi Maha Mengasihani.*

1. Aku bersumpah dengan hari kiamat.
2. Dan Aku bersumpah dengan «Nafsul Lawwaamah». <sup>(1)</sup>
3. Adakah manusia (yang kafir) menyangka bahawa Kami tidak akan dapat mengumpulkan (kembali) tulang-belulanginya (dan menghidupkannya semula)?
4. Bahkan Kami mampu menyusun (kembali) jari-jemarinya dengan sempurna.
5. Bahkan manusia (yang ingkar) sentiasa mahu meneruskan maksiat (di sepanjang hayatnya).
6. Dia bertanya: «Bilakah hari kiamat itu?»
7. Maka (jawabnya): Apabila mata terbeliak (ketakutan).
8. Dan bulan pun telah hilang cahayanya.
9. Dan matahari dan bulan dikumpulkan.
10. Pada hari itu manusia berkata: «Di mana tempat melarikan diri?»

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

لَا أَقْسِمُ بِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ①

وَلَا أَقْسِمُ بِالنَّفْسِ اللَّوَّامَةِ ②

أَيَحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَنْ نَجْمَعَ عِظَامَهُ ③

بَلَىٰ قَدَرِينًا عَلَىٰ أَنْ نُسَوِّيَ بَنَانَهُ ④

بَلَىٰ يُرِيدُ الْإِنْسَانُ لِيَفْجُرْ أَمَامَهُ ⑤

يَسْأَلُ أَيَّانَ يَوْمِ الْقِيَامَةِ ⑥

فَإِذَا بَرِقَ الْبَصَرُ ⑦

وَحَسَفَ الْقَمَرُ ⑧

وَجُمِعَ الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ ⑨

يَقُولُ الْإِنْسَانُ نَوْمِيذَانِ الْمَعْرُ ⑩

1 “Nafsul lawwaamah” bererti jiwa yang selalu menyesali dirinya sendiri.

11. Sekali-kali tidak! Tidak ada tempat berlindung!
12. Hanya kepada Tuhanmu tempat kembali pada hari itu.
13. Pada hari itu, manusia diberitakan tentang apa yang dia telah lakukan dan apa yang dia telah lalaikan.
14. Bahkan manusia menjadi saksi terhadap dirinya sendiri.<sup>(1)</sup>
15. Walaupun dia mengemukakan alasan-alasannya.
16. Janganlah engkau (wahai Muhammad) menggerakkan lidahmu untuk membaca al-Quran kerana hendak cepat-cepat (menghafaz)nya.
17. Sesungguhnya Kami yang akan mengumpulkan al-Quran itu (dalam dadamu), dan menetapkan bacaannya (pada lidahmu).
18. Maka apabila Kami bacakannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), ikutlah bacaannya.
19. Kemudian sesungguhnya Kami yang akan menjelaskannya.
20. Jangan sekali-kali! Bahkan kamu mencintai kehidupan (dunia) yang sementara.
21. Dan kamu mengabaikan (kehidupan) hari akhirat.

كَلَّا لَا وَزَرَ ﴿١١﴾

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمُسْتَقَرُّ ﴿١٢﴾

يُنَبِّئُكَ الْإِنسَانُ يَوْمَئِذٍ بِمَا قَدَّمَ وَأَخَّرَ ﴿١٣﴾

بَلِ الْإِنسَانُ عَلَىٰ نَفْسِهِ بَصِيرَةٌ ﴿١٤﴾

وَلَوْ أَلْقَىٰ مَعَاذِيرَهُ ﴿١٥﴾

لَا تُحْرِكُ لِسَانَ الْإِنسَانِ يَوْمَئِذٍ يَهُودًا وَلَا نَجْرًا ﴿١٦﴾

إِنَّا عَلَيْنَا جَمْعُهُمْ وَفُتْرَانَهُ ﴿١٧﴾

فَإِذَا قُرَأَتْهُ فَاتَّبِعْ قُرْآنَهُ ﴿١٨﴾

ثُمَّ إِنَّا عَلَيْهِ نَبَأَ الْبَيِّنَاتِ ﴿١٩﴾

كَلَّا بَلْ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ ﴿٢٠﴾

وَتَذَرُونَ الْآخِرَةَ ﴿٢١﴾

1 Anggota-anggota badan manusia menjadi saksi terhadap perbuatan yang telah mereka lakukan seperti tersebut dalam surah an-Nur ayat 24.

22. Wajah-wajah (orang yang beriman) pada hari itu berseri-seri.
23. Memandang Tuhannya.
24. Dan wajah-wajah (orang kafir) pada hari itu muram.
25. Mereka yakin bahawa akan ditimpakan malapetaka yang sangat dahsyat.
26. Jangan sekali-kali! Apabila (nyawa) telah sampai ke pangkal kerongkong.
27. Dan dikatakan kepadanya: «Siapa yang dapat menyembuhkan?»
28. Dan dia sendiri yakin, sesungguhnya itulah saat perpisahan (dengan dunia).
29. Dan bertaut betis (kiri) dengan betis (kanan).
30. (Maka) kepada Tuhanmulah pada hari itu kamu dibawa.
31. Kerana dia (dahulu) tidak membenarkan (al-Quran dan Rasul) dan dia tidak mendirikan solat (yang difardhukan).
32. Akan tetapi dia mendustakan dan berpaling (daripada kebenaran).
33. Kemudian dia pergi kepada keluarganya dengan sombong.
34. Celakalah kamu! Maka celakalah!
35. Kemudian: Celakalah kamu wahai (manusia)! Maka celakalah!

وُجُوهُ يَوْمَئِذٍ نَّاصِرَةٌ ﴿٢٢﴾

إِلَىٰ رَبِّهَا نَاظِرَةٌ ﴿٢٣﴾

وَوُجُوهُ يَوْمَئِذٍ بِاسِرَةٍ ﴿٢٤﴾

تُظُنُّ أَنْ يُفْعَلَ بِهَا فَاقِرَةٌ ﴿٢٥﴾

كَلَّا إِذَا بَلَغَتِ الرَّاقِيَ ﴿٢٦﴾

وَقِيلَ مَنْ رَاقٍ ﴿٢٧﴾

وَوَظَنَ أَنَّهُ الْفَرَاقُ ﴿٢٨﴾

وَالصَّغْتِ السَّاقِ بِالصَّاقِ ﴿٢٩﴾

إِلَىٰ رَبِّكَ يَوْمَئِذٍ الْمَسَاقُ ﴿٣٠﴾

فَلَا صَدَقَ وَلَا وُصِيَ ﴿٣١﴾

وَلَكِنْ كَذَّبَ وَتَوَلَّىٰ ﴿٣٢﴾

ثُمَّ ذَهَبَ إِلَىٰ أَهْلِهِ بِتَكْوَنٍ ﴿٣٣﴾

أَوَّلَىٰ لَكَ فَأُوَّلَىٰ ﴿٣٤﴾

ثُمَّ أَوَّلَىٰ لَكَ فَأُوَّلَىٰ ﴿٣٥﴾

36. Adakah manusia menyangka bahawa dia akan ditinggalkan begitu sahaja (dengan tidak diberikan tanggungjawab dan tidak dihidupkan untuk menerima balasan)?
37. Bukankah dia berasal daripada air mani yang dipancarkan (ke dalam rahim)?
38. Kemudian (air mani itu) menjadi segumpal darah beku, lalu Tuhan menciptakannya dan menyempurnakan kejadiannya (sebagai manusia)?
39. Maka Dia jadikan daripadanya sepasang lelaki dan perempuan.
40. Bukankah (Allah yang berbuat demikian), berkuasa menghidupkan orang yang mati?

أَيَحْسَبُ الْإِنْسَانُ أَنْ يُتْرَكَ سُدًى ﴿٣٦﴾

الْوَالِدُكَ نطفةً من مَنِيِّ مَعْنَى ﴿٣٧﴾

كُلُّوَكَانَ علقَةً فخالقاً فسَوَى ﴿٣٨﴾

فَجَعَلَ مِنْهُ الزَّوْجَيْنِ الذَّكَرَ وَالْأُنثَى ﴿٣٩﴾

أَلَيْسَ ذَلِكَ بِقَدِرٍ عَلَيَّ أَنْ يُحْيِيَ  
الْمَوْتِ ﴿٤٠﴾

